

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, SEMASA
MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-
UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)
DI DEWAN RAKYAT, PADA HARI
KHAMIS, 7HB. DISEMBER, 1978.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, dan juga untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi menguatkuasakan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan "United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland," berhubung dengan pencen dan lain-lain perkara yang berkenaan dengannya, untuk dibacakan bagi kali kedua sekarang.

2. Rang Undang-undang .yang ada dihadapan

Dewan yang mulia

mengandungi

cadangan-cadangan pindaan kepada peruntukan-
peruntukan 4 Perkara sahaja, iaitu:

Pertama: Perkara 45 mengenai Keanggotaan
Dewan Negara;

Kedua: Perkara 135(2) berhubung dengan
Sekatan mengenai pembuangan
kerja (dismissal) dan penurunan

panqkat (reduction in rank) Pegawai
Perkhidmatan Awam;

Ketiga: Perkara 141A mengenai Suruhanjaya
Perkhidmatan Pelajaran; dan

Ke empat: Perkara 149(1) berkaitan dengan
Undang-undang menentang perbuatan
subversif.

3

Tuan Yang di-Pertua.

3. Fasal (2) dalam Rang Undang-undang ini mencadangkan 3 pindaan kepada Perkara 45, iaitu:

(a) memberi kuasa kepada D.Y.M.M.

Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan

Agong melantik dua (2) orang menjadi

Ahli Dewan Negara bagi mewakili

Persekutuan;

(b) menambah bilangan Ahli Dewan Negara yang dilantik menjadi 40 orang; dan

(c) mengurangkan tempoh jawatan ahli-ahli

Dewan Negara daripada 6 tahun menjadi 3 tahun.

4. Sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan iaitu tiap-tiap Dewan Undangan Negeri memilih dua orang wakil untuk menganggotai Dewan Negara.

Oleh kerana Wilayah

Persekutuan belum mempunyai wakil dalam Dewan Negara, maka Kerajaan berpendapat bahawa *di perbetulkan* adalah mustahak kekurangan ini

5. Pada masa ini, D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong boleh meiantik dari sejumlah 32 orang Ahli Dewan Negara / kalangan tokoh-tokoh yang telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam, atau yang telah mencapai kepujian dalam bidang profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat, selain dari tokoh-tokoh yang boleh mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya, atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli.

6. Jumlah ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik, iaitu seramai 32 orang, telah ditetapkan dalam tahun 1964, iaitu 14 tahun yang lalu. Sejak itu, negara kita telah mengalami kemajuan, dan perubahan dalam cara hidupnya yang membawa masuk bidang-bidang kepentingan yang lebih moden. Dalam bidang profesyen, misalnya, negara telah mempunyai pakar-pakar yang tidak wujud 10 tahun dahulu. Memandangkan bahawa warganegara kita telah meneroka bidang-bidang kehidupan yang baru, dengan kepentingan-kepentingan tertentu, adalah difikirkan wajar perkhidmatan golongan-golongan baru ini diberi

peluang menyertai Parlimen, dalam membantu membentuk dasar negara dan membuat undang-undang. Pendekata, Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan perlulah diadakan bagi membolehkan perwakilan yang lebih luas dalam Dewan Negara. Oleh yang demikian, Kerajaan mencadangkan supaya bilangan ahli Dewan Negara yang dilantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, mengikut Perkara 45(l)(b) Perlembagaan Persekutuan, ditambah sebanyak lapan (8) orang lagi, menjadikan jumlah anggota kesemuanya kepada 40 orang.

7. Kerajaan juga mencadangkan supaya tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Dewan Negara yang dilantik dan dipilih dikurangkan daripada 6 tahun menjadi 3 tahun. Walau bagaimanapun, perubahan ini akan hanya berkuatkuasa bagi perlantikan-perlantikan dan pemilihan yang dibuat selepas Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan. Ahli-ahli Dewan Negara yang sedang berkhidmat akan meneruskan perkhidmatan masing-masing selama 6 tahun, kecuali mereka itu meletakkan jawatan atau hilang kelayakannya.

Tuan Yang di-Pertua.

8.) Fasal 3 dalam Rang Undang-undang ini meminda Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan.
..9/-

Tujuan Kerajaan meminda Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan, ialah bagi mengukuhkan keperluan Peruntukan 44, Perintah Am Bab 'D' 1969, supaya peluang untuk didengar tidak perlu diberi kepada kes penamatan kerja demi kepentingan awam, bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Penamatan kerja demi kepentingan awam ini, bukanlah merupakan satu hukuman tata tertib seperti pembuangan kerja, kerana pegawai yang berkecuaian boleh dibayar pencen mengikut Ordinan Pencen 1951 berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dan gaji paling akhir diterimanya sebelum disarakan. Sebaliknya, bagi kes pembuangan kerja, faedah ini tidak diberikan sama sekali.


9. Peluang untuk didengar seperti yang disyaratkan oleh Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan itu, masih laqi diberi bagi kes-kes tatatertib yang lain, yang melibatkan hukuman-hukuman seperti amaran, celaan, denda, melucutkan hak gaji, menaham kenaikan gaji, memberhentikan kenaikan gaji, menangguhkan kenaikan gaji, menurunkan gaji, menurunkan pangkat dan buang kerja.

11. Apabila seseorang pegawai Kerajaan
melanggar tata-tertib kerana engkar perintah,
rasuah dan sebagainya. Perintah Am, Bab
'D' mengandungi perbekalan dan cara-cara mengambil
tindakan tata-tertib ke atas mereka, serta juga
hukuman-hukuman yang sesuai yang patut dikenakan.
Ada kalanya pelanggaran tata-tertib itu jelas

telah berlaku, tetapi tindakan tata-tertib tidak
bagitu mudah diambil.

11a.. Misalnya, seorang pegawai di sebuah
Jabatan, telah berjaya mengumpulkan harta lebih
setengah juta dalam masa yang sengkat,

....lib/

ataupun seorang pegawai telah mengumpulkan wang tunai yang banyak dalam bank, menunjukkan mereka itu telah melakukan rasuah. Sungguhpun faktor seperti ini ielas membuktikan, tetapi ada kalanya  mendapati amat sukar mengambil tindakan untuk membuang kerja pegawai yang di tuduh.

11b. Begitu juga oleh kerana hendak mengelakkan punca maklumat diketahui umum, disebabkan keselamatan negara, atau keselamatan saksi itu sendiri,

bukti-bukti yang jelas tidak dapat *di* mukakan di mahkamah, menyebabkan kes tindakan jenayah ke atas pegawai Kerajaan itu gagal. Dalam hal yang demikian, Kerajaan terpaksa meneruskan perkhidmatan pegawai itu, sungguhpun jelas ianya telah membocorkan rahsia Kerajaan, ataupun telah menjalankan kegiatan lain yang merbahaya kepada keselamatan negara. Dalam kes-kes seperti ini, *Perintah 44 s* ada kalanya lebih sesuai menggunakan Perintah Am, Bab 'D'

dengan menggunakan Perintah perkhidmatan mereka itu ditamatkan, dan mereka dibayar pencen yang mereka telah layak menerima mengikut gaji dan tempoh perkhidmatan.

IlCo Perintah ini juga dianggap digunakan, perlu/di mana seseorang pegawai itu tidak lagi berminat dan kurang bersemangat menialankan tugas dan kewajipannya dengan memuaskan, tetapi maseh belum mencapai umur untuk bersara. Misalnya, ia maseh berumur antara 40 hingga 49 tahun. Pegawai ini tidak menjalankan tugas dengan memuaskan, dan tidak pula sanggup berhenti dari perkhidmatan. Pegawai seperti ini, jika terus berkhidmat, akan menjadi tauladan buruk kepada pegawai-pegawai lain, lebih-lebih lagi sekiranya pegawai itu seorang pegawai kanan.

11d. Begitulah juga dalam satu kes, misalnya, seorang pegawai yang sungguhpun pandai menjalankan tugas, tetapi tidak begitu berminat untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan. Tumpuan hati dan minatnya adalah lebih buat kepada perniagaan. Bagi pegawai yang maseh muda, tidak sukar baginya untuk meletakkan jawatan, tetapi bagi pegawai dalam lingkungan umur dari 40 hingga 45 tahun, mereka mungkin sayangkan hak pencen, dan terus berkhidmat dengan tujuan bersara apabila mencapai umur 50 tahun. Tambahan pula sekarang ini, seorang pegawai yang mula berkhidmat pada umur 20 tahun,, akan mencapai kelayakan pencen penuh, iaitu setengah daripada gaji, apabila mencapai umur 45 tahun.

Pegawai-pegawai seperti ini akan mengamalkan apa yang dikata sebagai "mark time" sehingga meningkat umur 50 tahun untuk mendapat faedah persaraan penuh.

11f. Mereka ini, bukan sahaja menjadi tauladan buruk kepada mereka yang lain, kerana tidak menjalankan tugas dengan sempurna, tetapi menjadi lebih buruk sekiranya ianya menggunakan kemudahan-kemudahan dan alat-alat pejabat kerana rancangan perniagaan persendirian. Lebih-lebih lagi, mereka yang telah meletakkan sebelah kakinya dalam lapangan perniagaan persendirian, ataupun


11a

dengan perkonasian. Oleh sebab-sebab seperti
peruntukan 44

inilah. perbekalar/Perintah Am Bab 'D' 1969 maseh
diperlukan demi kepentingan disiplin dalam Perkhidmatan
Kerajaan dan juga demi kepentingan keselamatan negara.

12. Kerajaan sedar bahawa pindaan kepada
Perkara 135(2) ini akan menimbulkan berbagai
prasangka dari pihak-pihak yang tertentu, bahawa
hak seseorang pegawai awam itu, hendak di sekat.
Tetapi ini bukanlah tujuan dan hasrat Kerajaan
yang sebenarnya. Sebagai Kerajaan berjiwa
rakyat, Kerajaan memerlukan perkhidmatan
pegawai-pegawai awam yang cekap, dedikasi dan

berdisiplin. Pegawai-pegawai yang tidak cekap dan yang tidak jujur, lebih-lebih lagi mereka yang diragukan kesetiaannya terhadap Kerajaan dan Negara, tidak memberi sebarang faedah dan tidak bermanfaat kepada Kerajaan yang dikehendaki berkhidmat kepada rakyat jelata.

13. Pindaan yang dicadangkan ini bukanlah bermakna bahawa Kerajaan hendak menggunakan kuasa ini sewenang-wenangnya, tetapi ialah bertujuan bagi menjamin keutuhan perkhidmatan awam seluruhnya , hanya seramai 96 orang pegawai pegawai awam sahaja yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka dengan menggunakan Peruntukan 44, Perintah Am, Bab 'D' 1969. ...14/-

Angka ini adalah sangat kecil, jika dibandingkan dengan jumlah bilangan seramai lebih kurang 500 ribu orang kakitangan awam dalam semua perkhidmatan. Ini jelas membuktikan, bahawa Kerajaan sentiasa berhati-hati dalam menggunakan peruntukan ini.

14. Saya sukalah menegaskan di sini, bahawa pindaan perkara 135(2) Perlembagaan, adalah perlu bagi mengatasi kekurangan dalam undang-undang, yang telah berbangkit akibat keputusan Privy Council mengenai kes rayuan Mahan Singh. Yang dituduh ini, telah ditamatkan perkhidmatan atas kepentingan awam, di bawah kuatkuasa Peruntukan 44, Perintah Am Bab 'D' 1969, dengan dibayar faedah pencen kurang sebanyak 10 peratus, mengikut kuatkuasa keperluan Ordinan Pencen Tahun 1951.

14a. Mengikut pandangan Privy Council, bayaran faedah pencen yang kurang yang di beri kepada yang dituduh, merupakan satu hukuman yang dikenakan di atas sebab-sebab kesalahan. Dengan yang demikian, penamatan perkhidmatan atas kepentingan awam yang telah dikenakan kepada yang dituduh, ditakrifkan sebagai pembuangan kerja.

Oleh itu, mengikut pandangan Privy Council, yang dituduh patut diberi peluang untuk didengar, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 135(2) Perlembagaan.

... 14b/

anggota dalam mana-mana perkhidmatan awam adalah memegang jawatan selama yang diperkenankan oleh D.Y.M M. Yang Di-Pertuan Agong, Dalam masa darurat Pengarah Gerakan yang diberi kuasa oleh D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Agong, boleh menamatkan perkhidmatan mana-mana anggota perkhidmatan awam dengan tidak bernotis ataupun pada bila-bila masa. Di bawah peruntukan 44

14c. Tindakan Kerajaan menamatkan perkhidmatan atas kepentingan awam terhadap yang dituduh dibawah kuatkuasa Peruntukan 44, Perintah Am Bab 'D' 1969, bukanlah sebenarnya bertujuan pembuangan kerja. Oleh kerana pandangan Privy Council mengtakrifkan, bahawa penamatan perkhidmatan atas kepentingan awam yang dikenakan kepada Mahan Singh adalah sama dengan tindakan pembuangan kerja, dan ia *di beri peluang* patutlah didengar, maka Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan mestilah dipinda. Supaya kes-kes penamatan perkhidmatan atas kepentingan awam yang diambil tindakan oleh Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang, atau di bawah mana-mana peraturan yang

dibuat oleh D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Agong
di bawah Perkara 132(2)/ penamatan itu tidaklah
bermakna buang kerja,

... 14e/

14d. Oleh kerana terdapat beberapa kes yang serupa dengan kes Mohan Singh, yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan di masa-masa yang lampau, *hendak mengelakkan pengulangan yang sama* dan supaya

dengan kes Mohan Singh

maka pindaan kepada Perkara 135(2)

Perlembagaan

tersebutlah di kuatkuasakan
mulai dari Hari Merdeka.

... 15/-

Tuan Yang di-Pertua.

15. Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan, dengan mengadakan peruntukan bagi perlantikan seorang Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Sejak tertubuhnya Suruhanjaya itu, dalam bulan January 1974, adalah didapati bahawa tugas dan tanggungjawabnya telah bertambah. Disamping menjalankan temuduga-temuduga di Semenanjung, ahli-ahli Suruhanjaya juga menjalankan temuduga di Sabah dan Sarawak, termasuk di bandar-bandar yang terpencil dikedua-dua negeri itu. Dalam keadaan sedemikian, maka Pengerusi

Suruhanjaya tersebut memikul tanggungjawab yang bertambah. Oleh itu, adalah difikirkan patut bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran diperuntukkan dengan seorang Timbalan Pengerusi supaya dapat membantu Pengerusinya.

Tuan Yang di-Pertua.

16. Fasal 5 dalam Rang Undang-undang ini mengemukakan pindaan kepada Perkara 149, iaitu mengenai undang-undang menentang perbuatan subversif. Pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu undang-undang tetap bagi menggantikan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Undang-undang ..17/-

yang dicadangkan ini, perlu diwujudkan di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, bagi maksud mengatasi masalah-masalah Penyalahgunaan dan pengedaran dadah, serta kegiatan-kegiatan kongsi gelap.

17. Mungkin perlu dinyatakan bahawa Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1969 itu, telah dibentuk berikutan dari kejadian 13 Mei, dengan menggunakan kuasa-kuasa darurat yang diberikan kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di bawah Perkara 150 Perlembagaan. Ordinan yang diperbuat di bawah Perkara 150 ini adalah sementara dan hanya berkuatkuasa

selama tempoh darurat itu sahaja.

Ordinan ini tidak boleh dijadikan suatu Akta tetap, kerana beberapa peruntukan-peruntukannya bertentangan dengan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan.

18. Pada masa ini Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 digunakan bagi maksud mencegah perbuatan-perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam, serta kegiatan jenayah yang melibatkan kekerasan, dengan^{19/-}

menahan atau menyekat orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut. Kumpulan-kumpulan orang yang ditahan atau disekat di bawah Ordinan, termasuklah pengedar-pengedar dadah dan ahli-ahli kongsi gelap. Tindakan diambil terhadap mereka ini hanya jika bukti-bukti bagi menuduh mereka di Mahkamah tidak dapat diperolehi, sungguh pun kegiatan-kegiatan mereka cukup jelas. Penggunaan kuasa-kuasa di bawah Ordinan ini amatlah berkesan, kerana ia telah dapat mengawal atau mengurangkan kegiatan-kegiatan pengedaran dadah dan jenayah-jenayah kongsi gelap.

19. Sebagaimana termaklum,aktiviti pengedaran dadah memberikan keuntungan yang sangat lumayan Adalah didapati amat sukar bagi menghadapi pengedar-pengedar itu di Mahkamah,dan mensabitkan kesalahan-kesalahan mereka. melainkan jika mereka ditangkap semasa memiliki dadah. Oleh itu tiada jalan lain yang dapat diambil terhadap mereka, melainkan dengan menggunakan kuasa tahanan pencegahan. Bagrtulah juga halnya dengan kegiatan-kegiatan kongsi gelap,yang telah wujud sejak bertahun tahun lamanya. Mangsa-mangsa kongsi gelap ini, seperti mereka yang diperasugut atau dipukul,

di peras-ugut

didapati amat takut hendak memberi keterangan-keterangan di Mahkamah, kerana kemungkinan tindakan balas dari ahli-ahli kongsi gelap yang lain. Kerajaan sedar, bahawa masalah dadah dan kongsi gelap ini tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Sungguhpun Kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan tahanan pencegahan sebagai satu langkah bagi mengatasi masalah ini, langkah-langkah jangka panjang yang lebih berkesan, adalah juga dijalankan oleh Kerajaan. Bagi penagih-penagih dadah, misalnya, Kerajaan telah pun menubuhkan pusat-pusat pemulihan bagi mereka.

20 Peruntukan dalam Perkara 149 Perlembagaan
sekarang ini, tidak cukup luas bagi mengadakan undang-
undang, yang bertujuan bagi mengambil sebarang
tindakan terhadap orang-orang yang melakukan perbuatan
yang memudaratkan ketenteraman awam, seperti pengedaran
dan penyalahgunaan dadah, serta kegiatan-kegiatan
kongsi gelap. Disamping itu, adalah juga difikirkan
supaya
perlu/Kuasa diberikan kepada Parlimen untuk mengadakan
undang-undang di bawah Perkara 149 bagi tujuan
mencegah perbuatan yang memudaratkan pemeliharaan
dan perjalanan mana-mana bekalan atau perkhidmatan
ni termasuklah kegiatan-kegiatan menyeludup dan
kegiatan lain yang akan menyusahkan orang ramai
dari mendapatkan bekalan atau perkhidmatan itu

21. Bagi maksud mencapai tujuan tersebut, Perkara 149(1) perlu dipinda dengan mengganti perenggan(e) dengan yang baru dan dengan memasukkan perenggan (f) baru, seperti yang terdapat dalam rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua.

22. Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan membebaskan Kerajaan Malaysia daripada bertanggungjawab mengenai penguasaan, pentadbiran dan pembayaran pencen terhadap pesara-pesara dagang British yang tertentu sempena dengan pelaksanaan

Perjanjian "The Malaysia-United Kingdom (Transfer of Liabilities) Agreement 1977".

ini

23. Perjanjian

telahpun diadakan untuk melaksanakan persetujuan Kerajaan Malaysia bagi menyerahkan segala tanggungjawab mengenai perkara pencen untuk pesara-pesara dagang British yang telah menjadi beban Kerajaan Malaysia selama ini, kepada Kerajaan British berikutan dari persetujuan Kerajaan British sendiri, untuk mengambilalih tanggungjawab tersebut, demi kepentingan warganegara mereka yang pernah berkhidmat di Malaysia pada suatu ketika dahulu. Dalam melaksanakan Perjanjian ini, ... 251-

adalah perlu bagi Kerajaan Malaysia menunaikan persetujuannya, yangdiantara lain ialah, untuk mengadakan peruntukan undang-undang supaya apabila Perjanjian itu mulai berkuatkuasa, Kerajaan Malaysia akan berhenti daripada bertanggungjawab mengenai perkara pencen pesara-pesara dagang British, kerana tanggungjawab ini diambilalih oleh Kerajaan British, dan juga supaya Kerajaan Malaysia tidak akan tertakluk kepada apa-apa guaman mahkamah di atas apa jua perkara yang berhubung dengannya. Dengan Akta yang dicadangkan ini, maka undang-undang berhubung dengan pencen yang berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh pelaksanaan Perjanjian itu, akan terhenti

dipakai kepada pesara-pesara berkenaan, dan pencen mereka itu akan dibayar mengikut jadual kepada Akta yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua.

24. Mengikut peruntukan Perkara 147 dan 180 Perlembagaan sekarang ini, Kerajaan Malaysia akan terus terpaksa mengadakan pertalian serta perhubungan dengan pesara-pesara dagang British yang berkenaan itu. Mengikut peruntukan sekarang ini, sebarang perubahan pencen yang akan dibuat oleh Kerajaan Malaysia atau apa-apa keputusan mengenai pencen untuk pesara-pesara Kerajaan British, sekalipun penguasaan, pentadbiran dan pembayarannya telah diambilalih oleh Kerajaan British.

Juga Kerajaan Malaysia akan terlibat mengikut Peruntukan yang ada, akibat dari mana-mana tuntutan yang berhasil dari tindakan mahkamah yang diambil oleh pesara-pesara dagang British itu, sekalipun mereka membuat tuntutan selepas tarikh pengambilalihan oleh Kerajaan British. Dengan terlaksananya Akta yang dicadangkan ini, maka peruntukan Perkara 147 dan 180 Perlembagaan Persekutuan yang mengenai penguasaan, pentadbiran dan pembayaran pesara-pesara dagang British, tidak lagi berkuatkuasa. Inilah tujuan Perjanjian yang telah diadakan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British itu.

Oleh itu, jikalau tidak diadakan undang-undang yang boleh memutuskan samasekali perhubungan Kerajaan Malaysia dengan pesara-pesara dagang British yang diambilalih oleh Kerajaan British itu, usaha pengambilalih ini adalah menjadi sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua.

25. Akhirnya, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa cadangan pindaan-pindaan yang dikemukakan ini, telah dikaji dan diteliti dengan halus oleh Kerajaan. Cadangan pindaan-pindaan kepada Perkara 149 khususnya, telah dikaji selama setahun lebih. Berdasarkan pengalaman kita

dalam menghadapi keadaan negara serta untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang dilalui oleh negara, cadangan pindaan-pindaan mustahak dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan.



No Siri 408
No Penerimaan 54/79